

SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38 (a) DALAM PERKHIDMATAN AWAM


**Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan Pegawai dan Kakitangan
yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam sahaja.**

TIMBALAN PENGARAH PENERANGAN (KUMPULAN 2) JABATAN PENERANGAN JABATAN PERDANA MENTERI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta
perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon**

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan-Jabatan Kerajaan sahaja.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.



**TIMBALAN PENGARAH PENERANGAN
JABATAN PENERANGAN
JABATAN PERDANA MENTERI
KUMPULAN 2 (\$5,400 EB KHAS \$5,610 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Kewartawanan / Komunikasi Massa atau dalam bidang bersesuaian.
Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.
2. i) Telah berkhidmat di Jabatan Penerangan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji Kumpulan 3 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sebagai Pegawai Penerangan Kanan dalam tangga gaji B.3 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

- ii) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji Kumpulan 3 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tangga gaji B.3 atau sebanding tidak kurang dari 8 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
3. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Merancang dan melaksanakan tugas pengurusan dan pentadbiran Jabatan Penerangan dan cawangan-cawangan di samping membantu Pengarah dalam segala urusan yang diaturkan;
2. Melaksanakan penyebaran maklumat dan pemberian pendidikan melalui kerja-kerja penerangan;
3. Memantau segala kegiatan-kegiatan penerangan dan media untuk mencerminkan imej baik dan kewibawaan Kerajaan;



4. Memastikan kerja-kerja penerangan menuju ke arah perpaduan di semua peringkat dan golongan kian meningkat melalui pendekatan rangkaian kerja Jabatan Penerangan melalui saluran pelbagai komunikasi termasuk memanfaatkan rangkai teknologi maklumat dan komunikasi secara cetakan; dan
5. Memastikan hubungan strategik di kalangan agensi-agensi Kerajaan berada dalam keadaan baik dan sempurna melalui pemantauan perhubungan awam di mana Jabatan ini dijadikan salah satu teraju pengurusannya.